

24 FEB, 2024

Program Madani Rakyat meriah dihadiri 100,000 pengunjung

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Program Madani Rakyat meriah dihadiri 100,000 pengunjung

PMR kesinambungan kejayaan Program Setahun Bersama Kerajaan Madani Disember tahun lalu

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Program Madani Rakyat (PMR) Zon Tengah meriah dengan jangkaan kehadiran lebih 100,000 pengunjung selama tiga hari program itu berlangsung di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Ketua Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Mohammad Ezri Shamsuddin berkata, program bermula pada Jumaat itu menawarkan pelbagai perkhidmatan secara langsung kepada rakyat.

Menurut beliau, PMR Zon Tengah adalah yang pertama diadakan pada tahun ini melibatkan Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"PMR akan dilaksanakan sebanyak enam kali mengikut zon merangkumi Zon Tengah, Utara, Timur, Selatan, Sabah, dan Sarawak," katanya ketika ditemui.

Mohammad Ezri memberitahu, pelaksanaan PMR itu merupakan kesinambungan daripada kejayaan Program Setahun Bersama Kerajaan Madani pada Disember tahun lalu.

Menurut beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan hasrat beliau untuk meneruskan program seumpama itu ke peringkat negeri pada tahun ini.



Mohammad Ezri (dua dari kanan) melihat pelan susun atau ladang udang marin semasa melawat salah satu reruai di PMR.

Jelas beliau, program itu dilaksanakan melalui Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU), Negeri Peneraju dan Kementerian Peneraju.

"PMR merupakan usaha kerajaan bertujuan untuk memberi ruang kepada rakyat untuk datang membuat penilaian dan memberi cadangan serta pandangan agar kerajaan dapat memberikan perkhidmatan lebih baik," jelas beliau.

Dalam program itu katanya, lebih dari 160 perkhidmatan ditawarkan kepada pengunjung melibatkan kerjasama di antara kementerian Persekutuan dan kerajaan negeri untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Antara objektif program ini adalah untuk memastikan bahawa inisiatif dan juga program kerajaan di bawah inisiatif Malaysia Madani ini dapat dihebahkan dan disebar luas kepada rakyat."

"Dalam masa sama, rakyat dapat memberikan pandangan dan idea atau pun cadangan kepada kerajaan melalui reruai yang kita sediakan untuk penambahbaikan dari segi perkhidmatan yang kita berikan,"

tambahnya.

Selain itu, jelas beliau, PMR Zon Tengah turut menawarkan aktiviti menarik seperti Darul Ehsan Berselawat, Jualan Agro dan Madani dengan diskon harga sehingga 30 peratus.

"Antara Jualan Agro dan Madani seperti ayam, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan yang boleh dibeli pengunjung pada harga jauh lebih murah daripada pasaran."

"Kita juga menyediakan Petting Zoo dengan membawa ternakan seperti lembu sado bagi menarik minat pengunjung khususnya kanak-kanak dan generasi muda."

"Keseluruhan terdapat 34 reruai kerajaan dan 163 touch point diberikan secara langsung kepada rakyat dalam program ini," kata Mohammad Ezri.

Beliau memberitahu, program itu juga menampilkan 61 usahawan Agro Madani, pameran aset kerajaan, karnival kerja yang mempunyai 2,000 peluang pekerjaan dan peluang menyambung kemahiran dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET).

Ujarnya, program itu dijadualkan akan dirasmikan Perdana Menteri dengan dihadiri ke pimpinan kerajaan Persekutuan dan negeri kira-kira jam 3 petang, Ahad ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kontrak Pemasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Muhamad Azreen Abdul Jalil berkata, Program Jualan Agro dan Madani merupakan salah satu komponen dalam PMR.

Beliau memberitahu, turut ditawarkan dalam program itu, Jualan Ehsan Rahmah, Jualan Koperasi Madani serta melibatkan inisiatif daripada kerajaan negeri Selangor dan Perak.

Jelas beliau, fokus utama program itu adalah untuk menyediakan pelbagai barang makanan asas utama kepada pengunjung pada harga lebih murah.

"Salah satu produk kita tawarkan ialah beras putih tempatan seberat 10 kilogram

REAKSI

“

Program ini usaha berterusan kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat tetap dalam membantu meringankan beban kami dengan menawarkan pelbagai barang keperluan pada harga jauh lebih murah."

- C Hemanathan, 46, pembandori



“

Saya sendiri akui walaupun dari Klang tetapi sanggup datang ke program ini di Kuala Selangor kerana saya tahu terdapat banyak manfaat kepada rakyat kerana ia bukan sahaja menyediakan pelbagai barang keperluan tetapi perkhidmatan kerajaan lain."

- Sobri Zakaria, 68, pesara kerajaan



“

Program tiga hari ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan saya kerana dijangka terdapat ratusan pengunjung yang mungkin hadir ke sini berbanding jika saya ini hanya bergantung jualan di Pasar Tani Temerloh semata-mata."

- Che Mazura Mohamad, 41, peniaga buah potong



sebanyak 5,000 kampit pada harga RM26 sekampit.

"Selain itu, paket kombo produk makanan asas utama dengan harga RM10, berbanding harga asal RM15 dengan menawarkan penjimatan RM5 kepada pengguna."

"Produk ini termasuk telur, minyak peket, bawang, kentang, sayur-sayuran seperti timun, lobak merah, dan tomat," jelas beliau.


Tambahnya, tawaran sama berupa barang agro mas seperti kordial, bihu dan kaya pandan pada harga RM10.



Muhamad Azreen (kiri) melayan pengunjung yang membeli barang keperluan di reruai Jualan Agro dan Madani sempena PMR pada Jumaat.

24 FEB, 2024

Program Madani Rakyat meriah dihadiri 100,000 pengunjung

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PMR kesinambungan kejayaan Program Setahun Bersama Kerajaan Madani Disember tahun lalu

Program Madani Rakyat (PMR) Zon Tengah meriah dengan jangkaan kehadiran lebih 100,000 pengunjung selama tiga hari program itu berlangsung di Kompleks Sukan Kuala Selangor. Ketua Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Mohammad Ezri Shamsuddin berkata, program bermula pada Jumaat itu menawarkan pelbagai perkhidmatan secara langsung kepada rakyat.